



PELAJAR UPM
bertanyakan soalan.

SENSITIF NAMUN PENTING

Forum kesihatan seksual dan reproduktif usaha tingkat kesedaran belia

Kesedaran mengenai kesihatan seksual dan reproduktif (SRH) secara menyeluruh dalam kalangan belia sangat penting bagi mencegah risiko hubungan seks tanpa perlindungan yang semakin merebak termasuk jangkitan bawaan seksual (STI) serta kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja.

Bagi membincangkan isu ini, Forum Kesihatan Seksual dan Reproduksi (SRH) Choose2Protect #SomebodyLikeMe diadakan baru-baru ini bersama ahli panel dan pelajar bidang sains Universiti Putra Malaysia (UPM).

Walaupun perkara ini dianggap sensitif, namun ahli panel bersetuju pendekatan bersesuaian dengan umur dan budaya dalam pendidikan seks selaras dengan 'Garis Panduan Teknikal Antarabangsa mengenai Pendidikan Seksualiti UNESCO' langkah berkesan untuk menangani isu ini.

Bertemakan 'Kesedaran SRH Di Kalangan Belia - Persepsi vs Realiti' barisan panel terdiri daripada Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kesihatan Remaja Kementerian Kesihatan Dr Nik Rubiah Nik Abdul Rashid, Ketua Bahagian Kesihatan Reproduksi Remaja Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Dr Hamidah Mohd Hassa dan pensyarah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM Profesor Madya Dr Hejar Abdul

Rahman.

Pengurus Pemasaran Durex Malaysia Karin Chan berkata, statistik semasa berhubung penyebaran STI dan kehamilan yang tidak dirancang dalam kalangan remaja menjadikan program kesedaran SRH ini satu keperluan.

"Kesedaran perlu bermula dari usia muda dengan melengkapkan mereka dengan maklumat yang tepat untuk mengukuhkan nilai dan sikap positif yang membolehkan mereka membuat pilihan berdasarkan maklumat dan kesihatan.

"Apabila seseorang individu terutamanya anak muda mempunyai pengetahuan, mereka akan menjadi lebih yakin untuk membuat keputusan lebih bijak mengenai kehidupan seksual dan reproduktif mereka," katanya.

Statistik memberikan gambaran membimbangkan dan menunjukkan risiko seks tanpa perlindungan tidak menunjukkan tanda ia semakin reda melainkan golongan muda Malaysia dimaklumkan dengan sewajarnya.

Data daripada Kajian Kesihatan Pelajar Sekolah Global (GSHS) 2012 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 8.3 peratus daripada remaja Malaysia yang berumur antara 13 dan 17 tahun pernah melakukan hubungan seks sebelum ini, apabila 50.4 peratus daripada mereka mengadakan hubungan seks



KESEDARAN mengenai isu sensitif ini perlu dipertingkatkan sesuai dengan masa.



BARISAN panel menerangkan isu dengan lebih lanjut.

kali pertama sebelum mencapai usia 14 tahun.

"Tanpa kesedaran yang sewajarnya, kebanyakan mereka pada usia yang muda tidak menyedari hak seksual dan reproduktif mereka sendiri dan ini boleh menyumbang kepada masalah kesihatan yang serius," kata Chan.

Laporan yang sama menunjukkan bahawa 32.2 peratus daripada remaja yang aktif secara seksual tidak menggunakan kondom kali terakhir

Face of Global Sex 2012 menunjukkan seorang daripada lima warga Malaysia mengalami STI dalam kehidupan mereka.

Ketika perbincangan pada majlis berkenaan, ahli panel berkongsi usaha dilakukan mereka untuk memperkasakan remaja dengan pengetahuan.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menubuhkan 14 pusat mesra belia yang dikenali sebagai kafe@TEEN di sembilan negeri di Malaysia bagi meningkatkan akses kepada maklumat dan perkhidmatan tentang kesihatan reproduktif kepada remaja.

Selain itu, Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reproduksi Malaysia (FRHAM) turut menyediakan perkhidmatan kesihatan mesra remaja di klinik kesihatannya di seluruh negara.

Chan juga berharap remaja Malaysia menggunakan perkhidmatan ini dan mengunjungi laman web www.choose2protect.com.my dan www.frham.org.my untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Pendidik rakan sebaya dari UPM Ridhwan Habib menganjurkan beberapa sesi kesedaran mengenai topik berkaitan di kampus berkata apabila kumpulannya menjalankan bengkel untuk rakan sebaya, peserta sering bertanya bagaimana STI boleh merebak atau

bagaimana kehamilan berlaku.

"Walaupun mudah untuk mereka mencari jawapan melalui Internet, sesetengah remaja tidak tahu langsung tentang kesihatan seksual dan reproduksi mereka.

"Oleh itu, kesedaran SRH dalam kalangan belia adalah penting kerana ia melengkapkan mereka dengan maklumat yang betul dan boleh dipercayai tentang kesihatan seksual dan reproduktif yang mengambil kira nilai sosial," kata Ridhwan.

Forum yang dianjurkan buat tahun kedua berturut-turut ini sebahagian daripada kempen kesedaran Choose2Protect #SomebodyLikeMe anjuran Durex yang sedang dijalankan bertujuan mendidik belia Malaysia mengenai SRH.

Forum kali ini dihoskan oleh UPM dengan disertai oleh 200 pelajar.

Sejak 2013, Durex dan rakan kerjasamanya, AIESEC Malaysia, Pertubuhan Pertolongan Wanita dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Kesihatan Reproduksi Malaysia melatih lebih 190 pendidik rakan sebaya di bawah kempen Choose2Protect #SomebodyLikeMe.

Kempen yang diterajui oleh rakan sebaya ini bertujuan mendidik lebih 50,000 orang belia Malaysia menerusi sesi kesedaran yang dijalankan di seluruh negara.